


EDISI JULAI-SEPTEMBER 2023

KUALITI



eISSN 2976-2596



9772976259003

Taklimat Panel Penilaian Luar Integrated Quality Management System (iQMS)

Disediakan oleh : Cik Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Panel Penilaian Luar iQMS pada 06 September 2023 melalui platform zoom meeting. Penceramah bagi sesi taklimat ini adalah Ts Dr Razulaimi Razali iaitu Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA, UiTM Shah Alam.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah sebagai persediaan kepada Panel Penilaian Luar iQMS untuk memperkukuhkan pengetahuan dari aspek kriteria dan etika serta meningkatkan kemahiran panel penilai bagi memastikan laporan audit yang dihasilkan berimpak tinggi.

Audit Penilaian Luar iQMS ini akan diadakan bermula pada bulan Oktober dan berakhir pada November 2023. Sesi auditan ini melibatkan lapan (8) fakulti/cawangan seperti berikut:


1. Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media
2. Akademi Pengajian Bahasa
3. Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
4. Arshad Ayub Graduate Business School
5. Institute of Continuing Education & Professional Studies (iCEPS)
6. UiTM Cawangan Kedah
7. Fakulti Farmasi
8. Kolej Pengajian Seni Kreatif



Penilaian Luar iQMS ini dijalankan berdasarkan kepada standard yang terdapat dalam 'Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities 4 areas' yang dikeluarkan oleh pihak MQA bagi Institut Pengajian Tinggi yang berstatus SWA.

Seramai 28 Panel Penilai iQMS dari seluruh kampus cawangan UiTM yang telah dilantik menyertai sesi taklimat ini. Penceramah telah memberikan taklimat berkaitan dengan proses penyediaan pelaporan awal, mesyuarat pelarasan, ringkasan eksekutif, proses rebuttal dan ERIS.

Dengan menyertai sesi taklimat ini diharap agar semua Panel Penilai iQMS yang telah dilantik mampu menjalankan sesi auditan dengan lebih jelas dan teratur mengikut standard yang telah ditetapkan. Adalah menjadi harapan universiti agar Panel Penilai mampu menghasilkan penulisan pelaporan yang berkualiti dan berimpak tinggi.



KUALITI



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

2023. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
 Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
 Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
 40450, Shah Alam,
 Selangor

eISSN 2976-2596

